

## Unsur Diplomasi dalam Penulisan Warkah Kesultanan Melayu (Paduka Seri Sultan Ahmad Ibn Sultan Zain Al-'Abidin)

HASHIM MUSA, SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD, ROZITA CHE RODI & NURLIAYANA ZAINAL ABIDIN

### ABSTRAK

Dalam artikel ini akan dilakukan transliterasi, anotasi dan analisis surat Paduka Seri Sultan Ahmad Ibn Sultan Zain Al-'Abidin dari negeri Terengganu kepada Jeneral Baron van der Capellen di Betawi (Jakarta) yang bertarikh 18 Rejab 1239 Hijrah atau 19 Mac, 1824. Juga akan dihuraikan sejarah ringkas yang melatarakan penulisan surat itu iaitu kenaikan takhta Sultan Ahmad, sedikit peristiwa tentang tindak tanduk kuasa Inggeris dan Belanda terhadap wilayah alam Melayu dan beberapa ciri-ciri amalan diplomasi raja Melayu terhadap sebuah kuasa penjajah.

Kata kunci: transliterasi, anotasi, amalan diplomasi, cap mohor, warkah Melayu

### ABSTRACT

In this article, there will be transliteration, annotation and analysis on Paduka Seri Sultan Ahmad Ibn Sultan Zain Al-'Abidin letters from Terengganu to General Baron van der Capellen at Batavia (Jakarta) dated on 18 Rejab 1239 Hijr or 19 Mac, 1824. Also, a brief history will be explained based on the letters written about Sultan Ahmad succession of the throne, some events about British and Dutch actions toward Malay Kingdom and several aspects of Malay Kings' practice of diplomacy toward the colonizer.


Key words: transliteration, annotation, practice of diplomacy, royal emblem, Malay letter

### PENDAHULUAN

Surat Paduka Seri Sultan Ahmad Ibn Sultan Zain Al-'Abidin dari negeri Terengganu kepada Jeneral Baron van der Capellen di Betawi (Jakarta) yang bertarikh 18 Rejab 1239 Hijrah atau 19 Mac, 1824, merupakan sepucuk surat yang tergolong dalam kategori surat beriluminasi yang indah (lihat Gallop, 1994: 38, dan 2006: 107-127). Lembaran kertasnya mempunyai iluminasi latarnya dengan corak awan larat yang sangat indah dengan bingkai tempat penulisan teks yang jelas. Juga tertulis di bahagian atasnya madah yang menjadi hiasan atas suratnya dengan tulisan seni khat yang indah, iaitu *wa-al-nujûm wa-alshams wa-al-qamar*. Juga terdapat di sebelah kanan bahagian atas lembaran surat cap mohor Sultan Ahmad I, iaitu *al-Wathîq bi-'llāh al-Sultan Ahmad ibn al-Sultan Zainal Abidin sanat 1223 (Hijrah)*.

### TRANSLITERASI SURAT

Berikut ini diperturunkan transliterasi surat yang tersebut berdasarkan naskhah terbitan Annabel Teh Gallop (1994). Salinan naskhah asal dapat dilihat pada Rajah 1.



Rajah 1. Fotokopi surat Sultan Ahmad I Terengganu kepada Jeneral Belanda di Betawi, bertarikh 18 Rajab 1239 (19 Mac 1824)

Sumber: Dipadan daripada Annabel Teh Gallop 1994

TRANSLITERASI SURAT SULTAN AHMAD I  
TERENGGANU KEPADA JENDERAL  
BELANDA DI BETAWI BERTARIKH 18 RAJAB  
1239 (19 MAC 1824)

Cap: *al-Wathīq bi-ʿllāh<sup>1</sup> al-Sulṭan Ahmad ibn al-Sulṭan Zainal ʿĀbidin sanat 1223 Al nujūm wa l-shamsu wa l-qamar:<sup>2</sup>*

Bahawa warkah al-wujud hidayat al-mamdūd<sup>3</sup> yang terbit daripada fuad al-zakiah<sup>4</sup> yang amat gilang-gemilang hingga<sup>5</sup> putih jernih bercahaya yang tiada menaruh cemar dalamnya, iaitu daripada Paduka Seri Sulṭan Ahmad ibn al-Sulṭan Zainal ʿĀbidin yang di atas takhta kerajaan di dalam negeri Terengganu dengan segala daerah takluknya sekalian barang disampaikan Tuhan sekalian alam apalah kiranya ke hadapan Tuan Jeneral yang amat kuasa di dalam mashriq dan maghrib, yang mengdiami di atas takhta kerajaan dan kebesaran di dalam negeri Betawi, yang telah termasyhur dengan segala daerah takluknya semuanya di bawah perintah hukumnya, yang amat setiawan dan lagi dermawan, bertambah<sup>2</sup> pula dengan budi pekerti yang amat ramah perandai yang lemah lembut dengan sempurnanya serta arif bijaksana pada melakukan atas jalan berkasih-kasih dan bertolong-tolongan dengan segala handai taulannya, karib dan baʿid<sup>6</sup>. Dan lagi ialah yang teramat teguh setianya selama-lamanya yang tiada berubah<sup>2</sup>. Maka barang dikekalkan Tuhan Allah apalah kiranya yang demikian itu, serta barang dilanjutkan daripada usia umur zamannya serta bertambah<sup>2</sup> kebesaran dan kekayaan di dalam sihat dan ʿafiyat pada selagi ada peredaran cakerawala matahari dan bulan pada tiap<sup>2</sup> perkitaran malam dan siang.

*Wa baʿdahu<sup>7</sup>* daripada itu adalah kita permaklumkan kepada Tuan Jeneral dari hal kita menyuruhkan Juragan<sup>8</sup> Man dan Wan Salleh dan Abdul Rahim dan Uthman dan Abdul Samad membawa sebuah kici<sup>9</sup> mendapatkan Tuan Jeneral serta membawa warqat al-ikhlas yang tiada dengan sepertinya daripada hal membinakan perhubungan dan persatuan antara Tuan Jeneral dengan kita, kerana daripada zaman Tuan Jeneral yang dahulu itu dengan Paduka Nenda kita dan zaman itu, kita Sultan Terengganu itupun tiadalah berputusan berkasih-kasih dan bertolong-tolongan telah sedia tetap adanya senantiasa pada selagi ada perkitaran malam dan siang, demikian adanya. Maka dari hal kita pun dipohonkan kepada Tuhan Allah antara kita dengan Tuan Jeneral demikian itulah adanya, kita pinta

kepada Tuan Jeneral janganlah kiranya berubah<sup>2</sup> daripada berkasih-kasih dan bertolong-tolongan hingga sampailah kepada yaum al-mutakhirin<sup>10</sup> jua adanya.

Syahadan daripada itu adalah kita menyatakan kepada Tuan Jeneral akan hal kici kita itu, maka ada kita muatkan dagangan wangkang<sup>11</sup> sedikit<sup>2</sup> ala kadarnya. Maka hendak pun kita menyuruh kepada segala kantor<sup>12</sup> yang lain membawa dagangan wangkang itu menjadi larangan. Dengan sebab itulah maka kita menyuruhkan Juragan Man dan Wan Salleh dan Abdul Rahim dan Uthman dan Abdul Samad itu datang mendapatkan Tuan Jeneral ke Betawi maka telah haraplah<sup>13</sup> akan tuan Jeneral menolong suruhan kita itu daripada sebarang hal ehwalnya di dalam negeri Betawi itu.

Dan lagi jikalau menjadi kebenaran kepada Tuan Jeneral serta dengan penolong Tuan Jeneral akan kita, melainkan minta Tuan Jeneral menyuruhkan akan dia lalu ke Semarang kici kita itu serta dengan tanda Tuan Jeneral sekali adanya. Maka sekalian perkara yang tersebut itu telah sangatlah harap kita akan Tuan Jeneral menolong jua adanya.

Dan lagi akan hal Tuan Jeneral pun jikalau ada kesukaan dan kerediaan, maka janganlah kiranya berputusan bersuruhan datang ke Terengganu berniaga berjual-beli sedikit<sup>2</sup> dan barang apa yang dimaksudkan oleh tuan Jeneral dan barang yang ada di dalam negeri Terengganu itu, boleh Tuan Jeneral menyatakan di dalam surat, dengan seboleh-bolehnya kita tolong ikhtiarkan.

Maka suatu pun tiada hadiah kita akan Tuan Jeneral akan dalil tulus dan ikhlas kita, hanyalah keris panjang sebilah, dan lembing sepasang, dan kain besar sepasang, dan gading sepasang tiadalah dengan sepertinya. Adalah seumpama bunga setangkai adanya. Tamat.

Terkarang warqah ini di dalam negeri Terengganu, kepada delapan belas hari bulan Rajab, hari Jumaat, jam pukul tujuh, tarikh sanat 1239.

LATAR SEJARAH RINGKAS SURAT OLEH  
SULTAN AHMAD TERENGGANU PADA  
TAHUN 1824 HIJRAH 1824 MASIHI

Sultan Ahmad Shah menaiki takhta kerajaan Terengganu setelah kemangkatan ayahanda baginda iaitu Sultan Zainal Abidin II pada tahun 1808 hingga 1830 Masihi. (Buyung Adil 1982: 59). Pada tahun

yang sama (1808) syarikat Inggeris *East India Company* telah memulangkan balik Melaka kepada kuasa Belanda (Buyung Adil 1982: 60), dan pada tahun berikutnya (1819) pihak Inggeris telah membina loji perniagaan di Singapura setelah membuat perjanjian dengan Sultan Husain Shah dan Temenggung Abdul Rahman Singapura. Pembinaan loji perniagaan Inggeris ini membuka jalan untuk menjadikan Singapura lokasi perniagaan yang terpenting di rantau ini.

Pada tahun 1823 John Crawfurd yang menjadi Resident di Singapura pada masa itu telah membuat perjanjian dengan Sultan Husain dan Temenggung supaya melepaskan Singapura selama-lamanya dengan pembayaran sagu hati sebanyak 32,000 dolar dan pencen sebanyak 1,300 dolar sebulan sepanjang hayat, manakala Temenggung menerima sagu hati sebanyak 26,800 dolar dan pencen 700 dolar sebulan sepanjang hayat (Buyung Adil 1982: 550). Pada masa itu perselisihan dan pergeseran antara kuasa Inggeris dan Belanda sering berlaku di dunia timur kerana tiada penetapan kawasan perniagaan dan bidang kuasa yang jelas antara kedua-dua kuasa itu. Contohnya perjanjian dan penubuhan loji di Singapura oleh kuasa Inggeris pada tahun 1819 telah ditentang dengan hebat oleh pihak Belanda. Oleh kerana perselisihan yang berlaku telah menjejaskan kestabilan keselamatan dan kelancaran perniagaan, maka kedua-dua pihak telah bersetuju menandatangani perjanjian pada tahun 1824 iaitu *Anglo-Dutch Treaty* yang antara lain menentukan wilayah kuasa iaitu seluruh kepulauan Indonesia di pulangkan kepada pihak Belanda manakala Semenanjung Tanah Melayu termasuk Singapura dan Melaka di bawah kuasa British.

Dari segi perniagaan perjanjian itu juga menetapkan bahawa tiada monopoli perdagangan dibenarkan di seluruh kepulauan Melayu oleh pihak Belanda dan tiada diskriminasi oleh mereka terhadap perdagangan British. Kedua-dua pihak hendaklah memberi layanan sebagai negara yang diberi keutamaan terhadap satu sama lain (Buyung Adil 1982: 550). Dari segi jangkauan wilayah pihak Inggeris nampaknya mengalami kerugian, tetapi dari segi perdagangan mereka sebenarnya mendapat keuntungan besar dengan naiknya Singapura sebagai pelabuhan entrepot dan menjadi pelabuhan yang terbesar dan tersibuk di Asia Tenggara. Perjanjian itu juga telah memecahkan selama-lamanya empayar Johor-Riau-Pahang, iaitu Sultan Riau-Lingga hilang kuasanya ke atas Singapura, Johor dan Pahang.

Di Singapura, Sultan Husain yang ditabalkan oleh pihak Inggeris dengan sagu hati dan elaun seumur

hidup, bersemayam sebagai satu boneka tanpa sebarang kuasa. Johor pula diperintah oleh Temenggung yang seterusnya menaikkan tarafnya sebagai Sultan Johor dibawah Tun Ibrahim yang menggelarkan dirinya Sulan Ibrahim, manakala Pahang diperintah oleh Bendahara.

Berlatarbelakangkan suasana politik dan perdagangan yang demikianlah surat Sultan Ahmad Terengganu itu ditulis kepada Jeneral Belanda di Betawi/Jakarta pada masa itu iaitu Baron van der Capellen. Ada lima perkara yang hendak disampaikan oleh Sultan Ahmad kepada Jeneral Belanda di Betawi, iaitu:

- 1) Mengadakan hubungan diplomatik yang baik antara Terengganu dan kuasa Belanda yang berpusat di Betawi/Jakarta dengan mengutus surat dan menghantar sebuah kapal kecil atau kici yang diketuai oleh Juragan/ nakhoda Man dengan Wan Salleh, Abdul Rahim, Uthman dan Abdul Samad. Hubungan diplomatik ini amat penting memandangkan pada tahun surat ini ditulis (1824) *Anglo-Dutch Treaty* telah ditandatangani yang menetapkan bidang kuasa Inggeris tertumpu ke Semenanjung Tanah Melayu termasuklah negeri Terengganu, manakala seluruh kepulauan Indonesia di bawah bidang kuasa Belanda. Namun dalam perjanjian yang sama tiada sekatan dalam hal ehwal perdagangan. Oleh itu Sulan Ahmad Terengganu ingin meneruskan hubungan diplomatik yang baik dengan kuasa Belanda di Jawa demi kelicinan perdagangan mereka.
- 2) Menyambung hubungan yang baik yang pernah terjalin pada zaman Sultan Terengganu yang lalu dengan pihak Belanda dan mengiktiraf kuasa Belanda di Betawi.
- 3) Meminta pertolongan Jeneral Belanda untuk mempermudah kemasukan barang dagangan Terengganu ke Jawa khususnya ke Semarang.
- 4) Mempelawa pihak Belanda ke Terengganu untuk mengadakan hubungan perdagangan.
- 5) Menghantar hadiah kepada Jeneral Belanda yang terdiri daripada sebilah keris panjang, sepasang lembing dan sepasang kain besar.

#### AMALAN DIPLOMASI MELAYU DALAM WARKAH INI

Diplomasi ialah seni dan amalan mengendalikan rundingan di antara wakil kumpulan-kumpulan atau negara-negara. Istilah ini sering merujuk kepada amalan diplomasi antarabangsa, iaitu pengendalian

perhubungan antara negara mahupun organisasi melalui rundingan di antara para diplomat profesional berkenaan isu-isu seperti perdamaian, perdagangan, peperangan, ekonomi dan budaya (<http://ms.wikipedia.org/wiki/Diplomasi>, diakses pada 3 Mac 2012, pukul 6.00 p.m). Selain itu, menurut Joseph Frankel (1987: 154) diplomasi biasanya digunakan dalam pengertian yang luas iaitu merangkumi kedua-dua aspek pembentukan dan pelaksanaan dasar. Dalam pengertian yang lebih bersifat teknikal, ia dimaksudkan sebagai urusan yang menghubungkan antara kerajaan dengan kerajaan. Manakala dari konsep Islam, Golam W. Choudhury (1993a: 99) mendefinisikan diplomasi sebagai:

*The aims of the Prophet's diplomacy, or his principle of international relations, was based on the concept of a just and fair world order, in which all states, strong or weak, big or small, should enjoy peace, stability, freedom of conscience and human welfare. In the conduct of foreign relations, the Prophet was always guided by the noble moral principles laid down in the Quran.*

Berdasarkan kepada pendapat ilmuwan di atas, hubungan diplomasi yang menjadi agenda penting dalam hubungan antarabangsa memberikan pilihan terbuka kepada sebuah negara atau kerajaan, mengenal pasti bentuk hubungan (politik, ekonomi, sosial dan budaya) yang ingin dijalinan dengan pihak lain. Fenomena ini dapat membantu sesebuah kerajaan agar tidak salah membuat penilaian dalam membuat keputusan, menetapkan hubungan diplomasi dengan kerajaan lain. Hal ini kerana hubungan tersebut adalah langkah permulaan bagi mengembangkan hubungan yang merentasi sempadan negara.

Kejayaan yang tercipta daripada kaedah diplomasi dalam sebuah kerajaan Melayu telah memberikan inspirasi kepada Sultan Ahmad I Terengganu untuk merangka strategi diplomasi yang berkesan dalam menjayakan hajat baginda khususnya dalam aspek perniagaan. Antara strategi atau amalan diplomasi yang digunakan oleh Sultan Ahmad I menerusi warkah ini ialah:

- 1) Kesopanan Berbahasa
- 2) Penghantaran Utusan
- 3) Pemberian Hadiah

Dalam konteks kajian ini, penulis akan menghuraikan satu persatu amalan diplomasi tersebut.

## KESOPANAN BERBAHASA

Kesopanan berbahasa merujuk kepada penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicara (Awang Sariyan 2007: 1). Sementara itu, Thomas (1996: 158) berpendapat bahawa kesopanan berbahasa dapat didefinisikan sebagai strategi yang digunakan oleh penutur terhadap pendengar dalam usaha mencapai pelbagai matlamat, seperti memelihara perhubungan yang harmonis. Oleh itu, pada pendapat penulis, kesopanan berbahasa yang ditonjolkan melalui warkah ini merupakan salah satu nilai murni yang dapat dijadikan sebagai aset pencetus kepada pembinaan sesebuah hubungan persaudaraan dan sebagainya. Selain itu juga, ia dapat menggambarkan kepada keupayaan masyarakat Melayu berdiplomasi dan dapat mencapai matlamat mereka dengan lebih efektif. Hal ini kerana dengan kesopanan berbahasa, pengirim warkah akan berjaya menakluki hati penerima warkah, apatah lagi sekiranya ia diiringi dengan ucapan dan lakuan yang baik sudah tentu ia akan dapat mewujudkan suatu perhubungan yang erat antara satu sama lain.

Antara kesopanan berbahasa yang ditemui dalam warkah ini ialah:

- 1) Kata-kata Pujian
- 2) Kaedah doa

### Kata-kata Pujian

Kata-kata pujian sebagai pembuka tirai dalam warkah merupakan aspek penting yang sangat dititikberatkan oleh masyarakat Melayu. Ia juga merupakan perkara asas kepada pengenalan diri sesebuah kerajaan sebagai pihak pengirim. Pengenalan diri menurut Koentjoro (1989) merupakan langkah yang diperlukan oleh seseorang untuk dapat menjalankan kehidupan secara efektif. Namun dalam hal ini, pengenalan diri ialah langkah yang diambil oleh sesebuah kerajaan untuk mempromosikan sultan dan kerajaannya secara efektif dan efisien seterusnya mengangkat martabat penerima warkah bagi mengikat tumpuan mereka untuk terus menerus membaca perbicaraan kandungan yang dibicarakan sehingga pengakhiran isi warkah. Hal ini penting kerana 'pertemuan pertama secara tulisan' itu akan memberikan cerminan kepada latar belakang secara keseluruhan dan niat pihak pengirim.

Sebagai ‘tanda’ kepada pengenalan diri tersebut, Sultan Ahmad I Terengganu telah memilih perkataan-perkataan yang baik dan bersopan untuk memulakan isi perbicaraan iaitu dengan menekankan aspek puji-pujian kepada pihak penerima. Sudah menjadi lumrah manusia amat suka dengan puji-pujian. Hal ini kerana dengan puji-pujian tersebut mereka merasakan diri lebih dihargai. Selain itu, bagi pihak pengirim pula mencerminkan sifat rendah hati seperti tidak sombong dan bongkak.

Menurut Abdul Razak Abdul Karim (2006: 26) kata-kata pujian merupakan perkara yang penting dalam struktur warkah Melayu lama. Beliau turut mengatakan bahawa kata-kata pujian merupakan lakuan bahasa iaitu sebagai *phatic communion* yang bermakna pembuka komunikasi. Penggunaan kata-kata pujian yang meleret-leret dan panjang merupakan suatu bentuk pujian untuk membuka jalan kepada penulis mengutarakan permintaan atau hajatnya dalam sesebuah warkah. Oleh kerana fungsinya sebagai pembuka komunikasi, masyarakat Melayu menjadi lebih kreatif dalam menyusun atur ayat-ayat yang indah dan mampu meninggalkan kesan kepada si penerima.

Pujian-pujian yang paling indah menurut Gallop (1994: 62) merupakan cerminan kecekapan seni surat-menyurat Melayu, yang membayangkan keagungan dan keunggulan tamadun istana kerajaan-kerajaan Melayu, tempat asal usul surat ini. Kata-kata pujian yang berbunga-bunga dan panjang lebar ini merupakan salah satu inisiatif orang Melayu dalam memulakan langkah diplomatik sebelum mempersembahkan kandungan warkah yang lebih bernada serius. Oleh itu, sebagai daya penarik, pihak pengirim akan sedaya mampu mengarang kata-kata pujian yang lebih berfokus kepada ciri peribadi penerima. Hal ini kerana ciri-ciri peribadi akan mudah mendekati jiwa dan menyenangkan hati penerima warkah tersebut.

Dalam hal ini, tidak dinafikan bahawa kata-kata pujian memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada penerimaan sesuatu warkah. Di sebalik menzahirkan tanda hormat kepada pihak penerima, pengirim juga ingin penerima turut merasakan bahawa kata-kata pujian yang diungkapkan tersebut lahir dari hati tulus ikhlas si pengirim dan bukan tindakan untuk mengampu atau bermuka-muka semata-mata iaitu dengan hanya memperlihatkan keindahan kata-kata dan baris-baris ayat yang disusun rapi oleh pengirim warkah tanpa memberikan gambaran yang sebenar tentang diri penerima. Zainal Abidin Ahmad (1965: 210) mengatakan bahawa bahasa yang tidak diterima akal

dinamakan bahasa melampau. Menurut beliau, ragam bahasa yang menyatakan sesuatu perkara itu sangat besar dan sebagainya dengan perkataan melebihi-lebih daripada yang sebenar. Dan semua orang mengerti bukan sungguh-sungguh seperti yang dikatakan oleh perkataan itu. Penerima sendiri akan dapat merasakan ketulusan kata-kata pujian yang diberikan kepadanya. Sekiranya pujian yang diberikan bersesuaian dengan diri si penerima maka ia mampu meningkatkan kepercayaan kepada hajat si pengirim.

Contoh berikut merupakan kata-kata pujian yang digunakan oleh Sultan Ahmad I Terengganu kepada Jeneral Belanda di Betawi:

ke hadapan Tuan Jeneral yang amat kuasa di dalam mashriq dan maghrib, yang mendiami di atas takhta kerajaan dan kebesaran di dalam negeri Betawi, yang telah termasyhur dengan segala daerah takluknya semuanya di bawah perintah hukumnya, yang amat setiawan dan lagi dermawan, bertambah2 pula dengan budi pekerti yang amat ramah perangai yang lemah lembut dengan sempurnanya serta arif bijaksana pada melakukan atas jalan berkasih-kasih dan bertolong-tolongan dengan segala handai taulannya, karib dan ba‘id. Dan lagi ialah yang teramat teguh setianya selama-lamanya yang tiada berubah2.

Kata-kata pujian yang digunakan oleh Sultan Ahmad I Terengganu ini sangat menarik kerana selain memuji keperibadian Jeneral Belanda bahawa beliau seorang *amat setiawan dan lagi dermawan, bertambah2 pula dengan budi pekerti yang amat ramah perangai yang lemah lembut dengan sempurnanya serta arif bijaksana pada melakukan atas jalan berkasih-kasih dan bertolong-tolongan dengan segala handai taulannya, karib dan ba‘id*, baginda juga turut menonjolkan kehandalan keupayaan si penerima warkah dengan memberikan pengiktirafan terhadap pemerintahan yang tiada tolok bandingnya dengan orang lain pada masa tersebut iaitu dengan mengungkapkan kata-kata seperti berikut kiranya *ke hadapan Tuan Jeneral yang amat kuasa di dalam mashriq dan maghrib, yang mendiami di atas takhta kerajaan dan kebesaran di dalam negeri Betawi, yang telah termasyhur dengan segala daerah takluknya semuanya di bawah perintah hukumnya*.

Dengan membuat penilaian positif itu, sudah tentu akan dapat menyukakan hati penerima dan hal ini akan dapat meningkatkan keyakinan dan keupayaan dirinya serta berusaha untuk terus

meninggikan lagi prestasi diri. Seterusnya akan dapat membantu mempengaruhi penerima dalam membuat keputusan menjalinkan hubungan lebih serius serta memenuhi permintaan atau hasrat pengirim yang diungkapkan dalam isi warkah tersebut.

Secara jelasnya, kata-kata pujian di atas merupakan cara memuji yang berkesan dalam menarik hati penerima warkah untuk menerima warkah yang diutus oleh pengirim. Penerima warkah bukan sahaja merasakan dirinya dihargai malahan kekuatan kerajaan serta pentadbirannya turut diperakui kehebatannya. Apatah lagi yang memberi kata-kata pujian tersebut adalah dari pihak raja Melayu. Umum mengetahui bahawa raja Melayu ialah raja berdaulat. Setiap kata-kata yang diungkapkan baginda merupakan suatu doa dan kata-kata pujian tersebut akan dapat menambahkan kerahmatan kepada diri pihak penerima. Justeru, langkah ini bukan sahaja menyenangkan hati pihak penerima malah turut menimbulkan rasa kekaguman kepada sikap kesederhanaan golongan raja yang tidak bongkok walaupun mempunyai darjat dan daulat yang tinggi. Di samping itu, ia turut menyerlahkan sikap raja yang tidak kedekut dan tidak ego dengan memberikan kata puji-pujian kepada mereka.

Selain itu, kata-kata pujian yang diadakan dengan nilai-nilai peribadi dan dicernakan dengan gaya bahasa yang cukup estetik sebelum menyampaikan mesej yang sebenar kepada pihak penerima akan menciptakan suatu suasana kemesraan, keselesaan, keakraban, dan muhibah antara dua bangsa ini. Di sinilah kepintaran raja Melayu terbukti, apabila dengan menggunakan kata puji-pujian dapat mengikat hati penerima untuk terus membaca dan ingin mengetahui hasrat hati raja secara keseluruhan melalui warkah tersebut.

### **Kaedah Doa**

Kaedah doa merupakan antara amalan diplomasi yang dikenal pasti oleh penulis dalam warkah yang dikirim oleh Sultan Ahmad I Terengganu. Kaedah ini digunakan untuk mendoakan penerima agar hidup sejahtera dan antara pendekatan dalam Islam untuk melembutkan hati seseorang. Ab. Razak Ab. Karim (2006: 97) menyatakan bahawa kaedah doa digunakan oleh pengirim untuk mendoakan seseorang penerima. Kebanyakan doa yang digunakan oleh pengirim ditujukan kepada pegawai Inggeris dan Belanda yang mempunyai taraf sosial yang tinggi pada kaca mata pengirim. Manakala Asmah Omar

(1984: 31) pula berpendapat bahawa kaedah ini akan menggunakan kata 'agar' yang mengambil alih tempat semoga, moga-moga, atau mudah-mudahan.

Kaedah doa yang telah digunakan oleh Sultan Ahmad I Terengganu dapat dilihat pada perenggan awal warkah ini. Contohnya:

Maka barang dikekalkan Tuhan Allah apalah kiranya yang demikian itu, serta barang dilanjutkan daripada usia umur zamannya serta bertambah2 kebesaran dan kekayaan di dalam sihat dan 'afiyat pada selagi ada peredaran cakerawala matahari dan bulan pada tiap2 perkitaran malam dan siang.

Selain menunjukkan rasa hormat Sultan Ahmad I Terengganu kepada Jeneral Belanda itu, baginda berharap agar Jeneral Belanda akan terbuka hati mentafsir hasrat hati baginda dari sudut positif dan seterusnya membantu baginda menyelesaikan masalah yang timbul. Di samping itu, secara tersiratnya, kaedah ini dapat membantu Jeneral Belanda melihat hati murni Sultan Ahmad I Terengganu yang ikhlas mendoakannya dan seterusnya membuka pintu diplomasi kepada kerajaan Terengganu.

### **PENGHANTARAN UTUSAN**

Menurut Gallop (1994: 1104), kejayaan seseorang utusan yang mahir ialah perlu mengajukan secara halus kepentingan dan nama baik rajanya dan pada masa yang sama tidak menyinggung perasaan tuan rumahnya. Hal ini kerana setiap butir katanya (utusan) sangat bermakna dan akan membawa kepada kejayaan ataupun kemusnahan hubungan diplomatik antara kerajaan.

Dalam konteks kajian ini, warkah ini tidak mengemukakan secara nyata akan peristiwa bagaimana cara utusan-utusan yang dihantar oleh Sultan Ahmad I Terengganu melaksanakan tugas mereka. Namun demikian, dalam warkah ini ada menyatakan bahawa tugas utama utusan-utusan yang dihantar seperti Juragan Man, Wan Salleh, Abdul Rahim, Uthman, dan Abdul Samad ialah untuk menyampaikan warkah sosial ini, di samping membawa sebuah kici dan pelbagai hadiah bagi mengukuhkan hubungan diplomasi antara Terengganu dengan Belanda. Contoh petikan tersebut seperti berikut:

Juragan Man dan Wan Salleh dan Abdul Rahim dan Uthman dan Abdul Samad membawa sebuah kici mendapatkan Tuan Jeneral serta membawa

warqat al-ikhlas yang tiada dengan sepeertinya daripada hal membinakan perhubungan dan persatuan antara Tuan Jenderal dengan kita.

Berdasarkan kepada petikan di atas, penghantaran utusan merupakan salah satu amalan diplomasi yang dipraktikkan oleh Sultan Ahmad I Terengganu demi memastikan bahawa niat baginda berjaya dan menjadikan Belanda sebagai tulang belakang kepada kelancaran perdagangan serta keselamatan kerajaan Terengganu.

### PEMBERIAN HADIAH

Selain itu, pemberian hadiah juga dapat merangsang jalinan hubungan diplomatik antara kerajaan Terengganu dengan kerajaan Belanda di Betawi. Menurut Gallop (1994: 78) bingkisan atau hadiah selalunya dihantar pada peringkat permulaan hubungan mesra antara dua pihak. Sementara bagi hubungan diplomatik yang sedia terjalin, pemberian hadiah akan dijadikan sebagai pengukuh hubungan antara kerajaan.

Setiap pemberian hadiah yang beraneka ragam tersebut sebenarnya mempunyai maksud yang tertentu. Terdapat kerajaan yang memberikan hadiah tersebut atas dasar kepentingan politik, ekonomi dan sosial. Sebagai contoh, atas kepentingan sosiopolitik, kerajaan Kelantan telah memberikan hadiah berupa 'emas urai seberat 10 tahlil, cincin bunga nyior urat dan kain putih 10 kayu' kepada kerajaan Siam sebagai tanda meminta perlindungan daripada kerajaan tersebut untuk mengelak ancaman kerajaan Patani dan Terengganu. Peristiwa tersebut tercatat di dalam *Hikayat Seri Kelantan* (lihat Mohd. Taib Osman 2004: 46-48). Pada kesinambungan itu, apabila Terengganu mengetahui Kelantan berjaya mendapatkan perlindungan daripada kerajaan Siam maka kerajaan Terengganu pun mengutus surat untuk berbaik-baik dengan Siam. Kesannya, Kelantan dan Terengganu tidak lagi bermusuhan dan hubungan antara kerajaan tersebut menjadi semakin akrab.

Seterusnya, berbicara tentang pemberian hadiah, penulis mengenal pasti beberapa jenis barangan yang telah dihadiahkan oleh Sultan Ahmad I Terengganu kepada kerajaan Belanda dalam menarik perhatian kerajaan tersebut untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan Terengganu. Antara hadiah yang dikirimkan oleh baginda bersama warkah ini ialah sebilah keris panjang, sepasang lembing, sepasang kain besar dan sepasang gading. Contohnya:

Maka suatu pun tiada hadiah kita akan Tuan Jenderal akan dalil tulus dan ikhlas kita, hanyalah keris panjang sebilah, dan lembing sepasang, dan kain besar sepasang, dan gading sepasang tiadalah dengan sepeertinya. Adalah seumpama bunga setangkai adanya.

Keris panjang dan sepasang lembing merupakan antara alat senjata yang terkenal dalam masyarakat Melayu. Peranan senjata sangat penting di dalam kehidupan manusia. Selain digunakan sebagai alat berperang atau mempertahankan diri serta mempunyai hiasan yang menarik, ia juga dikaitkan dengan unsur-unsur alam ghaib. Sebahagian masyarakat Melayu mempercayai sesuatu senjata itu mempunyai kuasa dalaman yang dapat membantu mempertingkatkan ilmu kebatinan kepada si pemilikinya (<http://malaysia.pnm.my>, diakses pada 3hb Mac 2012, pukul 10.00 p.m). Oleh itu, pada pendapat penulis, simbol kepada pemberian hadiah senjata-senjata tradisional Melayu seperti keris panjang dan lembing oleh Sultan Ahmad I Terengganu kepada Jenderal Belanda di Betawi ialah bersifat politik khususnya dalam aspek pertahanan. Pertahanan ialah perihal mempertahankan, membela, menjaga keamanan dan keselamatan. Ia juga merujuk kepada persediaan kelengkapan, persenjataan dan ketenteraan untuk mengekalkan kedaulatan negara daripada ancaman dari dalam dan luar negeri (Adibah Sulaiman et al. 2006: 91-92). Sementara itu, sepasang kain besar dan sepasang gading ialah untuk menyatakan bahawa hajat baginda ialah seperti selebar kain besar dan setajam hujung gading haiwan. Gading haiwan seperti gajah sukar untuk diperoleh. Oleh demikian, hadiah jenis ini daripada pengirim kepada penerima ialah untuk menyatakan bahawa kerajaan Terengganu bersungguh untuk menjalinkan hubungan diplomasi tersebut.

Dengan masalah yang dihadapi oleh kerajaan Terengganu iaitu kapal dagangan baginda tergendala perjalanannya, maka baginda berharap agar Jenderal Belanda dapat membantu menyelesaikan permasalahan tersebut serta dapat menjamin keselamatan kapal-kapal dagangan baginda yang berlayar, selamat sampai ke destinasi dituju. Hajat sultan Terengganu itu tergambar seperti petikan di bawah:

...maka telah haraplah akan tuan Jenderal menolong suruhan kita itu daripada sebarang hal ehwalnya di dalam negeri Betawi itu...Dan lagi jikalau menjadi kebenaran kepada Tuan Jenderal serta dengan penolong Tuan Jenderal

akan kita, melainkan minta Tuan Jenderal menyuruhkan akan dia lalu ke Semarang kici kita itu serta dengan tanda Tuan Jenderal sekali adanya. Maka sekalian perkara yang tersebut itu telah sangatlah harap kita akan Tuan Jenderal menolong jua adanya.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, amalan atau strategi diplomasi yang disebutkan di atas merupakan usaha Sultan Ahmad I Terengganu untuk mewujudkan persefahaman dan kerjasama dengan kerajaan Belanda dalam menjamin perdagangan atau perniagaan kerajaan baginda supaya dapat berjalan dengan lancar. Di samping itu, hubungan diplomatik antara kedua kerajaan itu dapat memantapkan keselamatan pedagang-pedagang yang berurusan dengan kerajaan Terengganu ataupun sebaliknya.

## NOTAHUJUNG

- <sup>1</sup> *al-Wathīq bi-'llāh* = yang yakin kepada Allah.
- <sup>2</sup> *Wa-al-nujum wal-al-qamar, wa-al-shams* = bintang dan bulan dan matahari.
- <sup>3</sup> *warkah al-wujud hidayat al-mamdud* = surat yang tercipta daripada petunjuk untuk disembarkan.
- <sup>4</sup> *fu'ad al-zakiah* = hati yang suci.
- <sup>5</sup> Dalam manuskrip tertulis *hinga*.
- <sup>6</sup> *ba'id* = jauh.
- <sup>7</sup> *wa ba'dahu* = dan kemudian daripada itu.
- <sup>8</sup> Juragan = 1. nakhoda (kadang-kadang juga pemilik kapal); 2. (Sunda) tuan, puan; 3. Jw pengusaha (terutama batik).
- <sup>9</sup> Kici = sejenis perahu yg kecil dan bertiang dua.
- <sup>10</sup> *yaum al-mutakhirin* = hari mutakhir.
- <sup>11</sup> Wangkang = sejenis jong yang kecil, perahu besar.
- <sup>12</sup> Kantor = pejabat.
- <sup>13</sup> Dalam manuskrip dieja *harablah*.

## RUJUKAN

- Ab. Razak Ab. Karim. 2006. *Warkah Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adibah Sulaiman et al. 2006. *Sejarah Kertas Teks & Rujukan Lengkap*. Shah Alam: Arah Pendidikan.
- Asmah Omar. 1984. *Bahasa Iklan Perniagaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buyong Adil. 1982. *Sejarah Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Choudhury, Golam Wahed. 1993. *The Prophet Muhammad: His Life and Eternal Message*. Kuala Lumpur: WHS.
- Gallop, A.T. 1994. *Warisan Warkah Melayu*. London: The British Library.
- Gallop, A.T. 2006. Malay manuscript illumination. *Jurnal Filologi Melayu* 14: 107-227. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.  
<http://malaysiana.pnm.my> (3hb Mac 2012).  
<http://ms.wikipedia.org/wiki/Diplomasi> (3 Mac 2012).
- Joseph Frankel. 1987. *International Relation*. London: Oxford University Press.
- Koentjoro. 1989. Konsep Pengenalan Diri dalam AMT. Dlm. Modul Pelatihan AMT. Jurusan Psikologi Sosial UGM, dalam rangka Lustrum V. Fakultas Psikologi UGM, Yogyakarta.
- Mohd Taib Osman. 2004. *Hikayat Seri Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thomas, J. 1996. *Meaning in Interaction: An Introduction to Pragmatics*. London: Longman.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim bin Musa, Ph.D.  
 Profesor  
 Jabatan Bahasa Melayu  
 Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
 Universiti Putra Malaysia  
 43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.  
 E-mail: hasyim@fbmk.upm.edu.my
- Salmah Jan binti Noor Muhammad, Ph.D.  
 Tutor  
 Jabatan Bahasa Melayu  
 Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
 Universiti Putra Malaysia  
 43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.  
 E-mail: salmahjan@fbmk.upm.edu.my
- Rozita binti Che Rodi, M.A.  
 Pembantu Pengajar  
 Jabatan Bahasa Melayu  
 Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
 Universiti Putra Malaysia  
 43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.  
 E-mail: ita\_cherodi@putra.upm.edu.my
- Nurliayana binti Zainal Abidin  
 Felo Penyelidik Siswazah  
 Jabatan Bahasa Melayu  
 Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
 Universiti Putra Malaysia  
 43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.  
 E-mail: leayanazainal@gmail.com